



SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 5/2021

Ketua-Ketua/ Pengurus-Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN SENARAI ITEM BAHAN PAKAI HABIS BUKAN GUNA SAMA (NON STANDARD) DI JABATAN PENGGUNA, HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Jabatan Kewangan sedang dalam proses membuat pengemaskinian maklumat item bahan pakai habis bukan guna sama (*non standard*) yang diurus secara belian terus oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTj).

Sehubungan itu, mohon YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan agar dapat mengemukakan senarai item bahan pakai habis bukan guna sama beserta tujuan kegunaannya kepada jabatan ini **selewat – lewatnya pada 30 September 2021**. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Unit Stor Pusat, Jabatan Kewangan di sambungan 5916 (Cik Johana binti Omar), 5221 (Encik Fariz bin Abd Rahman), atau 8206 (Puan Maznah binti Muda).

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan di dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih,


Sekian.

Yang benar

WAN OMI BINTI HJ WAN YUSSOP C.A. (M)

Ketua
Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

s.k - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman Jarmin**
Pengarah, HCTM



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2015

Cert. No. : QMS01547

JABATAN KEWANGAN

Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603-91455916/5217/5218/5219/5220/5221/6167/7976/8206/8207
Laman Web: <http://kewangan.hukm.ukm.my>